

**CATATAN SESI DIALOG ISU-ISU BAJET 2020 ANTARA LHDNM  
DENGAN  
PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

<b>TARIKH</b>	<b>9 JANUARI 2020</b>
<b>MASA</b>	<b>10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>BILIK BENDAHARA ARAS 1, MENARA HASIL IBU PEJABAT LHDNM CYBERJAYA, SELANGOR</b>
<b>KEHADIRAN</b>	

**PERWAKILAN LHDNM**

1. YBhg. Datuk Noor Azian Abdul Hamid	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Dasar - <b>Pengerusi</b>
2. Encik Abu Tariq Jamaluddin	Pengarah Jabatan Undang-undang (JUU)
3. Puan Salamatunnajan Besah	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian (JDP)
4. Puan Hazlina Hussain	Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian
5. YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip	Pengarah Jabatan Operasi Cukai (JOC)
6. Encik Mohd Jaafar Embong	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil (JPH)
7. Puan Amnah Tawil	Pengarah Negeri Selangor
8. YBrs. Dr. Nik Abdullah Sani Nik Mohamed	Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar
9. Puan Wan Ramiza Wan Ghazali	Pengarah Cawangan Industri Khas
10. Encik Shaharrudy Othman	Pengarah Jabatan Percukaian Antarabangsa
11. Encik Hisham Rusli	Pengarah Cawangan Cukai Multinasional
12. YBhg. Dato' Adenan Che Semail	Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur
13. Encik Lim Kien Thai	Pengarah Negeri WP Putrajaya
14. Encik Ahmad Khairuddin Abdullah	JUU
15. Encik Yaacob Othman	JDP
16. Cik Norfaidah Daud	JDP
17. Puan Azalina Hamdi	Pengarah Jabatan Operasi Setem dan CKHT (JOSC)
18. Puan Norhaslinda Bukhari	JDP
19. Encik Azrul Hisham Shamsudin	Wakil Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling
20. Puan Rosnita Ahmad	JDP
21. Encik Jafni Hashim	Wakil Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai
22. Puan Faizah Aman	JDP
23. YBhg. Datin Subkiah Jamaludin	JDP
24. Puan Kamala Arjuna Perumal	JPP
25. Puan Neng Juliana Ismail	JUU
26. Puan Asnidar Mohamad	JDP

27. Encik Syaiful Nizam Abdul Majid	Pengarah Cawangan Labuan
28. Puan Serina Ismail	JDP
29. Puan Suhani Anuar	JDP
30. Puan Siti Aminah Ismail	JDP
31. Puan Shafini Abd Samad	JUU
32. Puan Nor Ashikin Mohd Nadzari	Pejabat TKPE (Dasar)
33. YBrs. Dr. Mohd Arif Romli	JPP
34. Encik Azami Mohd Amin	Cawangan Labuan
35. Puan Farah Eileena binti Hussein	JUU
36. Puan Sri Sazreena Mohd Salehud-din	Urusetia
37. Puan Noorhaya Ibrahim	Urusetia

#### **PERWAKILAN PERSATUAN AKAUNTAN BERTAULIAH**

38. Ms. Phan Wai Kuan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
39. Mr. Nicholas Crist	CTIM
40. Ms. Leow Mui Lee	CTIM
41. Mr. Chong Mun Yew	CTIM
42. Mr. Thong Vee Kean	CTIM
43. Mr. Beh Tok Koay	The Malaysian Institute of Certified Public Accountant (MICPA)
44. Ms. Theresa Goh Lee Hwa	MICPA
45. Ms. Woon Yoke Lee	MICPA
46. Ms. Tan Yu Yin	MICPA
47. Mr. Anil Kumar Puri	MICPA
48. Ms. Carol Eng	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
49. Mr. Sam Soh Siong Hoon	MIA
50. Cik Rafidah Mohd Noor	MIA
51. Encik Mohameed Faisal Syed Ibrahim	Malaysian Association of Tax Accountants (MATA)
52. YBrs. Dr. Mohd Fairuz A. Razak	MATA
53. Puan Fadhlina Mohd Zakri	MATA
54. Mr. Chooi Tat Chew	The Malaysian Institute of Charted Secretaries and Administrations (MAICSA)
55. Mr. Chin Woon Li	MAICSA
56. Mr. Lew Nee Fook	Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)

#### **PERWAKILAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

57. Puan Che Nazli Jaapar
58. Encik Mohd Nakhafi Hassan
59. Encik Ibrahim Abdullah
60. Puan Mahfuzah Bahrin
61. Encik Salsuriya Selamat
62. Cik Masyita Ismail
63. Encik Mohd Fadzlee Malik
64. Encik Mohamad Azizal Abd Aziz
65. Puan Nor Syareena Yem
66. Puan Azniza Ramli

## **1. PENDAHULUAN**

YBhg. Datuk Pengurus mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil persatuan akauntan dan pengamal percuaihan (CTIM, MICPA, MIA, MAICSA, MACS, MATA), wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan pegawai-pegawai LHDNM ke majlis dialog ini.

## **2. PERBINCANGAN ISU**

- 2.1. Perbincangan bersama telah diadakan berhubung isu-isu yang dibangkitkan di dalam memorandum berikut:
  - 2.1.1 *Joint Memorandum on Issues Arising from 2020 Budget Speech & Finance Bill 2019* bertarikh 19.11.2019;
  - 2.1.2 *Memorandum on Issues Arising from Labuan Business Activity Tax (Amendment) Bill 2019* bertarikh 18.12.2019; dan
  - 2.1.3 *Memorandum on Issues Arising from Labuan Business Activity Tax (Amendment) Bill 2019 and Other Matter Related to Labuan Business Activity Tax 1990* bertarikh 26.12.2019.
- 2.2 Maklum balas telah diberikan semasa perbincangan dialog dan akan disusuli secara bertulis.

## **3. PERBINCANGAN PERKARA LAIN**

- 3.1 Selain daripada isu yang dibangkitkan di dalam perkara 2.1, terdapat beberapa isu lain yang dibangkitkan seperti berikut:
- 3.2 **Additional criteria for SME to be eligible for the preferential tax rate (with effect from YA 2020)**
  - 3.2.1 Perwakilan persatuan memaklumkan bahawa telah mengemukakan surat kepada MOF untuk mendapatkan pengesahan berhubung terma ‘paid-up capital’ yang telah digantikan dengan terma ‘issued share capital’ apabila Akta Syarikat 2016 dipinda. Walau bagaimanapun, maklum balas lanjut belum diterima oleh pihak perwakilan. MOF akan menyemak semula status surat berkenaan dan pihak perwakilan mencadangkan satu perbincangan berasingan diadakan khusus untuk membincangkan isu terma tersebut.

- 3.2.2 Bagi pihak LHDNM, tiada isu berbangkit berhubung penggunaan terma ‘paid-up capital’. Walau bagaimanapun, Pengerusi memohon agar pihak perwakilan dapat mengemukakan kes sebenar secara bertulis untuk penelitian lanjut dan mungkin isu ini akan dipertimbangkan semasa bajet akan datang.
- 3.2.3 Pihak perwakilan seterusnya membangkitkan isu bahawa kriteria tambahan SME ini menimbulkan kekeliruan sama ada ia terpakai kepada beberapa *gazette order* yang dikeluarkan oleh MOF. Pada masa ini, MOF menjelaskan kriteria tambahan SME hanya terpakai dalam menentukan kadar cukai dan elaun modal bagi aset bernilai kecil (*small value assets*). Pengerusi menyarankan isu ini dilihat semula oleh pihak MOF sekiranya perlu dan jika ianya menjelaskan layanan cukai secara konsisten.
- 3.2.4 Berhubung isu sama ada syarikat pemegangan pelaburan atau syarikat yang tiada pendapatan perniagaan tetapi ada pendapatan lain yang mempunyai ‘paid-up capital’ kurang daripada RM2.5 juta sama ada tertakluk kepada layanan cukai SME atau tidak, LHDNM memaklumkan penjelasan lanjut berhubung perkara ini akan dikeluarkan melalui Nota Amalan.

### **3.3 Review of real property gain tax treatment (deemed to have come into operation on 12 October 2019)**

- 3.3.1 Berhubung dengan permohonan pihak perwakilan untuk menggunakan kadar selain nilai perolehan pada 1 Januari 2013, pihak perwakilan diminta untuk mengemukakan permohonan kepada MOF untuk semakan / pertimbangan lanjut.

### **3.4 Memorandum on Issues Arising from Labuan Business Activity Tax (Amendment) Bill 2019 bertarikh 18.12.2019**

- 3.4.1 MOF mengambil maklum mengenai beberapa syarikat yang menghadapi kesukaran apabila peruntukan baru pengenaan cukai pada kadar 24% ke atas *non-trading income* di bawah LBATA. MOF memaklumkan sedang mempertimbangkan untuk memberi *transitional period* kepada entiti Labuan. Sehubungan itu, syarikat boleh mengemukakan permohonan kepada MOF untuk melihat semula isu yang dihadapi berdasarkan *case-by-case basis*.
- 3.4.2 YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan kepada semua pegawai dan perwakilan bahawa sebarang isu yang timbul daripada LBATA masih tertakluk kepada *FHTP requirement* dan *peer review* yang akan

dilaksanakan pada tahun ini. Sekiranya banyak pertimbangan dibuat dan sebagainya, dikhuatiri tindakan ini akan menjelaskan laporan *peer review*. Buat masa ini, LHDNM perlu mengimbangi antara keperluan untuk mematuhi *FHTP requirement* dan pada masa yang sama terpaksa berdepan dengan kesukaran di bahagian operasi.


- 3.4.3 Pihak perwakilan memaklumkan terdapat beberapa entiti Labuan yang telah membuat bayaran ansuran melalui CP204 susulan pindaan Bajet 2019 yang mengkehendaki entiti Labuan yang tidak mematuhi syarat *substance requirement* dicukai pada kadar 24% di bawah ACP. Namun, pindaan Bajet 2020 membentarkan entiti Labuan tersebut dicukai di bawah LBATA (kadar cukai 24%). Oleh itu, pihak perwakilan ingin mendapatkan pengesahan sama ada bayaran ansuran CP204 yang telah dibuat sebelum ini sama ada akan di'offset' atau dibayar balik kepada syarikat.
- 3.4.4 Pengarah JPH memaklumkan tindakan bayaran balik boleh dibuat kepada syarikat.
- 3.4.5 YBhg. Datuk Pengurus memutuskan bahawa sementara garis panduan operasi dikemaskini, pihak perwakilan diminta untuk mengemukakan senarai syarikat yang telah membuat bayaran ansuran melalui CP204 kepada JPH.

#### 4. PENUTUP

YBhg. Datuk Pengurus mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Disahkan oleh :

Untuk dan bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



[DATUK NOOR AZIAN ABDUL HAMID]

Pengerusi Dialog  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Disahkan tertakluk kepada penjelasan lanjut sekiranya terdapat pertanyaan berkenaan maklumbalas kepada komen daripada pihak persatuan :

Untuk dan bagi pihak Chartered Tax Institute of Malaysia, Malaysian Institute of Accountants, The Malaysian Institute of Certified Public Accountants and The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators



.....  
**[PUAN FARAH ROSLEY]**

Presiden

Chartered Tax Institute of Malaysia